

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN CHE MOHD ZULKIFLY BIN JUSOH

TARIKH: -

SOALAN:

**Tuan Che Mohd Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah aduan berhubung wanita bertudung yang tidak diterima bekerja dicatatkan setakat ini serta tindakan yang dikenakan terhadap pemilik syarikat yang enggan menggajikan wanita bertudung di negara ini.

PR-1342-T73961

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pada masa ini tiada peruntukan undang-undang perburuhan di Malaysia yang menetapkan syarat mengenai pemakaian seseorang pekerja mengikut keperluan agama. Oleh yang demikian, adalah menjadi budi bicara pihak majikan untuk mengenakan syarat-syarat pemakaian selagi ianya boleh diterima umum.

2. Walau pun tiada sebarang peruntukan dalam mana-mana akta, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) tetap akan mengambil aduan yang dibuat oleh pihak pekerja dan akan menyiasat setiap aduan yang dilaporkan. Sekiranya aduan tersebut didapati berasas, pegawai JTK akan menasihati majikan supaya tidak mengamalkan diskriminasi dalam pemilihan calon pekerja. Majikan juga akan dinasihatkan agar dapat menghormati sensitiviti agama yang dianuti oleh setiap pekerja. Ini bukan sahaja bagi kepentingan pekerja yang terlibat tetapi juga bagi mewujudkan kehormatian dan hubungan baik antara majikan dengan pihak pekerja.

3. Berdasarkan rekod, dari tahun 2014 sehingga April 2016, JTK hanya menerima satu (1) aduan mengenai keengganan majikan untuk menggajikan wanita bertudung. Hasil siasatan didapati isu ini adalah berasas dan majikan telah diberi nasihat yang sewajarnya supaya tidak mengamalkan diskriminasi. Selain dari isu ini, JTK juga ada menerima beberapa aduan yang melibatkan diskriminasi agama iaitu satu (1) aduan tidak membenarkan pekerja memakai pakaian mengikut kehendak agama dan sembilan (9) aduan mengenai tindakan majikan yang tidak membenarkan pekerja mengerjakan solat. Semua aduan yang berasas ini telah disiasat dan berjaya diselesaikan.